

# Harta-harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum

Dr. Ahmad Hidayat Buang

## *Abstract*

*Zakat is collected from the income of certain properties. In general no income of properties other than those determined by the Syariah should be collected as zakat payment. However from time to time, the Islamic jurists have permitted the collection of income of properties not described by the law based on the principles of analogy and public interest. Although the use of the above principles has solved certain problems, many other properties which are considered, from the economic points of view, as "zakatable" are excluded. Following the thesis maintained by Professor al-Qaradhwai in his *Fiqh al-Zakah*, this article argues that the inclusion of income of properties as zakat payment should not be based on literal meaning of the text of the law, but one has to formulate the general criteria contained in those texts so as to build a general rule which can be applied to all kinds of properties in respect of Zakat collection.*

## Pendahuluan

Zakat merupakan rukun Islam yang bukan sahaja menyentuh ibadat semata-mata tetapi juga yang menyentuh tentang kehartaan dan ekonomi. Definisi zakat mengikut Syarak diberikan oleh para ulama dalam pelbagai bentuk ayat. Ibn Qudamah misalnya (secara ringkas) menakrifkannya sebagai satu hak yang wajib daripada sesuatu harta (*haqq wajib fi al-mal*).<sup>1</sup> Imam Haskafi menjelaskan takrif zakat sebagai pemilikan sebahagian daripada harta yang ditentukan oleh syarak (*tamlid jaz, mal 'ayyanahu al-syari'*).<sup>2</sup>

Manakala Imam Nawawi yang memetik dari *al-Hawi* memberi takrif zakat dengan agihan sebagai: satu nama bagi mengambil sesuatu yang khusus dari harta yang khusus daripada golongan yang khusus untuk diberikan kepada golongan yang khusus.<sup>3</sup> Takrif-takrif ini diringkas dan dipadatkan oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi sebagai satu bahagian tertentu daripada harta yang diwajibkan oleh Allah swt dikeluarkan kepada orang yang berhak mendapatkannya.<sup>4</sup> Melihat kepada takrif-takrif terdapat satu perkataan yang digunakan oleh semua ulama-ulama di atas iaitu ibadat zakat itu adalah sesuatu yang berkaitan rapat dengan harta atau *mal*.

Terdapat beberapa sebab mengapa zakat mesti dikeluarkan daripada harta-harta. Pertama sebagaimana yang diterangkan oleh takrif di atas terdapat hak tertentu daripada harta itu kepada orang-orang tertentu dan kedua untuk membersihkan harta tersebut dari kesalahan dan kekotoran. Bagi tujuan pertama al-Quran menyatakan di dalam Surah al-Dhariyyat yang berbunyi: “*Bagi harta-harta itu beberapa hak yang tertentu kepada mereka yang miskin dan tidak berupaya*”. Ini sesuai dengan firman Allah swt di Surah al-Tawbah, ayat 101 yang bermaksud: “*Ambilah dari harta-harta mereka sedekah bagi membersihkan diri mereka lagi menyucikan mereka*”. Oleh kerana ianya satu bentuk kekotoran maka Rasulullah s.a.w. dan keluarga baginda ditegah mengambilnya sebagaimana sabda baginda: “*Bahawa sedekah (zakat) ini adalah kotoran manusia (awsakh al-nas kerana kesalahan yang mereka lakukan semasa mengumpulkan harta tersebut). Oleh itu ianya diharamkan ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad*”.<sup>5</sup> Seterusnya pemberian harta itu kepada mereka yang berhak terutama kepada golongan fakir dan miskin untuk tujuan menyukarkan hati mereka (*muwasat*). Kerana harta yang diperolehi itu selalunya dapat dilihat pada pandangan manusia dan ini boleh menimbulkan perasaan cemburu malah kadang-kadang tidak puas di kalangan mereka yang tidak bernasib baik, maka pemberian zakat bertujuan untuk menghiburkan hati mereka tadi dan sekaligus dapat mengukuhkan perhubungan di kalangan warga masyarakat.

Penerangan di atas menunjukkan bahawa apa-apa sahaja harta yang mendatangkan kekayaan kepada manusia dan boleh dihargai oleh masyarakat ramai perlu dikeluarkan zakat samada untuk dibersihkan dari kekotoran atau untuk menghiburkan hati orang-orang faqir dan miskin. Namun begitu pandangan ini tidak semestinya diterima oleh semua orang kerana di dalam fiqh Islam terdapat beberapa perselisihan mengenai apakah bentuk-bentuk harta yang mesti dikeluarkan zakat daripadanya sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Nawawi dari harta yang khusus. Tujuan artikel ini untuk membincangkan apakah bentuk-bentuk harta yang wajib dikeluarkan zakat dan apakah syarat-syaratnya mengikut pandangan ulama Islam.

### Penjelasan al-Quran

Al-Quran menyebut harta-harta yang dikenakan zakat dengan menggunakan dua cara: umum dan khusus. Dalam surah al-Dhariyyat ayat 19 dan surah al-Tawbah ayat 104 al-Quran menyebutkan bahawa harta-harta orang Islam yang diistilah sebagai *amwal* itu

mesti dikeluarkan zakatnya baik samada kerana ia adalah hak orang miskin ataupun untuk tujuan pembersihan diri dan harta itu sendiri. Dr. Yusuf al-Qaradhawi berpendapat ayat-ayat ini adalah satu dalil umum bagi mewajibkan zakat ke atas semua harta-harta yang telah memenuhi beberapa syarat seperti yang akan dibincangkan nanti di dalam artikel ini.<sup>6</sup>

Manakala secara khusus pula al-Quran menyebut empat bentuk harta yang mesti dikeluarkan zakat seperti berikut:

- (i) Emas dan perak, seperti firman Allah swt pada surah al-Tawbah, ayat 34 yang bermaksud "*Orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak belanjakaninya ke jalan Allah maka khabarkanlah dengan azab yang pedih*". Para ulama berpendapat ayat ini menunjukkan wajibnya zakat emas dan perak.<sup>7</sup>
- (ii) Tanaman dan Buah-Buahan (*al-Zuru' wa al-Thmlar*) seperti firman Allah swt pada surah al-An'am ayat 141 yang bermaksud: "*Makanlah buah-buahnya apabila berbuah dan tunaikanlah haknya pada hari tuaian*". Para ulama juga berpendapat ini adalah satu dalil wajibnya zakat tumbuhan dan buahan, walaupun mereka berselisih pendapat dalam menentukan bentuk-bentuk tanaman dan buahan tersebut.<sup>8</sup>
- (ii) Pendapatan daripada perniagaan seperti firman Allah swt pada surah al-Baqarah ayat 276 yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman belanjakanlah perolehan/pendapatan (yang halal) dari apa yang kamu usahakan.*" Ayat ini ditafsirkan oleh jumhur ulama untuk mewajibkan zakat perniagaan. Manakala mazhab al-Zahiri tidak mewajibkan zakat ini kerana nas di atas tidak memadai untuk mewajibkan zakat ke atas perniagaan.<sup>9</sup>
- (iv) Hasil-hasil galian dan lain-lain yang dikeluarkan dari perut bumi seperti harta-harta karun (*rikaz*) sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 276 yang bermaksud: "*Belanjakanlah ... apa-apa yang kamu keluarkan dari perut bumi*". Ulama berselisih pendapat apakah harta dalam bentuk ini dikenakan zakat. Mazhab Syafi'i berpendapat ianya adalah satu bentuk zakat hanya pada emas dan perak, manakala mazhab lain seperti Hanafi berpendapat logam-logam lain yang boleh ditempa juga dikenakan zakat.<sup>10</sup> Ada juga yang berpendapat bahawa hasil-hasil bumi ini tidak dikenakan zakat tetapi dianggap sebagai satu bentuk cukai atau *fay*'.<sup>11</sup>

Al-Sunnah juga menyebut harta-harta yang dikenakan zakat melalui dua cara iaitu secara umum dan khusus. Secara umumnya dapat diperhatikan pada dua hadith seperti di bawah:

- (i) Dari Ibn 'Abbas bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepada Mu'az bin Jabal ketika ia diutuskan ke Yaman: "*Bahawa engkau akan berhadapan dengan ahli kitab, maka serulah mereka kepada kalimah al-Syahadah, jika mereka menerima seruan itu dan taat kepada kamu maka maklumkan mereka bahawa Allah swt telah menfardukan ke atas mereka zakat yang diambil dari golongan yang kaya dari mereka dan diberikan zakat itu kepada golongan yang fakir dari mereka ...*" hadith riwayat *muttafaq 'alayh*.<sup>12</sup> Yusuf al-Qaradhawi berpendapat bahawa hadith ini menunjukkan kewajipan membayar zakat daripada harta secara umum.<sup>13</sup>

- (ii) Dari Abu Hurayrah Rasulullah s.a.w bersabda: “*Sesiapa yang dikurniakan Allah harta benda (mal) tetapi tidak menunaikan zakatnya maka pada hari kiamat nanti harta bendanya itu akan dijadikan seekor ular jantan yang bulu kepalanya berguguran kerana terlalu banyak bisanya yang mempunyai dua tanda hitam di atas matanya lalu ia membelit orang yang dikurniakan harta tadi dan dipatuk akan pipinya seraya ia berkata: akulah harta bendamu (yang tidak ditunaikan zakat)*” lalu ia membacakan ayat al-Quran: “*Janganlah sekali-kali orang yang bakhil itu menyangka apa-apa harta yang dikurniakan oleh Allah itu kepada mereka merupakan satu kebaikan kepada mereka*” (surah Al-Imran, ayat 180). Hadith diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.<sup>14</sup> Hadith ini secara umumnya merujuk kepada harta yang perlu dikeluarkan secara umum tanpa menentukan bentuknya secara khusus.

Manakala hadith-hadith yang menerangkan bentuk-bentuk harta secara khusus adalah seperti berikut:

- (i) Dari Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Sesiapa yang mempunyai emas dan perak tetapi tidak menunaikan haknya maka pada hari kiamat kelak akan diambil secebis dari api neraka dan dihentam ke atasnya ... Maka di tanya pula oleh sahabat kepada Rasulullah bagaimana pula dengan pemilik unta. Maka dijawab oleh Rasulullah, maka begitu jugalah pemilik unta yang tidak menunaikan haknya itu akan mendapat balasan di hari kiamat... Maka ditanya pula dengan pemilik lembu dan kambing. Maka jawab Rasulullah maka begitu jugalah keadaannya ...*”. Hadith riwayat Muslim.<sup>15</sup>

Hadith telah diperjelaskan oleh surat perintah Khalifah Abu Bakr kepada gabenor Bahrain yang memerintah supaya harta-harta daripada ternakan dipungut dari kalangan umat Islam. Perintah ini menetapkan kadar nisab binatang-binatang tersebut.<sup>16</sup> Perintah surat ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Anas dan ianya dikatakan satu bentuk dokumentasi pertama yang mempunyai arahan pentadbiran dan perundangan.

- (ii) Dari Abu Sa’id al-Khudri bersabda Rasulullah s.a.w: “*Zakat tidak dikenakan pada unta yang kurang dari lima ekor, begitu juga pada perak yang kurang daripada lima awaq (bersamaan 200 dirham), begitu juga makanan yang kurang lima awsuq*”. Hadith riwayat Imam al-Bukhari.<sup>17</sup> Hadith ini menerangkan bahawa zakat dikenakan pada ternakan, wang dan hasil pertanian.
- (iii) Dari Abdullah ibn ‘Umar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “*Zakat tanaman yang disirami oleh air hujan atau mataair atau sungai ialah satu persepuuh, manakala zakat tanaman yang disirami secara usaha dengan mengangkutnya dari sumber air ialah satu perduapuluh*”. Hadith riwayat muttafaq ‘alayh.<sup>18</sup> Hadith ini menerangkan kewajipan zakat hasil pertanian. Oleh kerana hadith ini tidak menerangkan dengan jelas apakah bentuk-bentuk tanaman tersebut maka para ulama berselisih pandangan apakah bentuk tanaman yang wajib dikenakan zakat.
- (iv) Dari Samrah bin Jundab r.a yang berkata bahawa Rasulullah s.a.w memerintah kami supaya mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang kami sediakan untuk

perniagaan. Hadith riwayat al-Darulqutni.<sup>19</sup> Yusuf Qaradhwai semasa membahaskan hadith ini menunjukkan terdapat perselisihan di kalangan ulama mengenai status hadith ini. Namun begitu para ulama menerimanya sebagai satu hujjah untuk menunjukkan bahawa zakat perniagaan diwajibkan oleh nas Syarak sendiri.

Terdapat banyak lagi hadith-hadith yang menerangkan tentang bentuk-bentuk harta seperti di atas yang dikenakan zakat. Namun itu adalah pengulangan dan tidak kesemuanya berdarjat sahih. Secara umumnya nas-nas di atas menyentuh beberapa bentuk harta yang lazim pada kehidupan masyarakat Arab seperti ternakan, emas dan perak, pertanian (bagi masyarakat Madinah) dan perniagaan (bagi masyarakat Makkah). Manakala *rikaz* dan galian terdapat perselisihan di kalangan ulama samada untuk menganggapnya sebagai zakat atau pun tidak. Mazhab Jumhur berpendapat bahawa ia adalah zakat. Manakala Abu Hanifah berpandangan bahawa ia adalah satu bentuk *fay'*. Berkata Ibn 'Abidin "*Sepatutnya bab al-rikaz ini diletakkan di bawah perbincangan al-siyar (jihad) kerana apa yang diambil dari harta ini bukanlah zakat, tetapi satu bentuk perbelanjaan ghanimah*".<sup>20</sup> Asas kepada perselisihan mereka ialah dalam menafsirkan hadith riwayat Abu Hurayrah yang bermaksud: "*Pada harta rikaz seperlima (khums)*". Hadith riwayat al-Jama'ah.<sup>21</sup>

Begitu juga beberapa bentuk harta lain terdapat perselisihan kerana hadith yang diriwayatkan itu diragukan kesahihannya. Sebagai contoh mazhab Ahmad ibn Hanbal mewajibkan zakat madu lebah berdasarkan kepada hadith yang diriwayat oleh 'Amru ibn Shutayb dari bapanya dari datuknya bahawa Rasulullah s.a.w. mengambil zakat dari madu lebah sebanyak satu persepuhluh. Hadith riwayat Ibn Majah.<sup>22</sup>

### **Pandangan Ulama Fiqh**

Para ulama dengan berpandukan kepada nas-nas di atas dan lain-lain yang tidak disebutkan di sini telah mengembangkan dan menyusun kewajipan pembayaran zakat daripada harta-harta tersebut. Secara umumnya mereka telah menghadkan bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat dan tidak cuba untuk meletakkan satu dasar umum apakah bentuk-bentuk harta yang apabila terdapat syarat-syarat umum ini akan dikenakan zakat. Ini nampaknya hampir sama sahaja dengan perkembangan yang berlaku pada muamalah Islam yang hanya menghadkan bentuk-bentuk akad yang disebutkan oleh nas dan yang lahir dari kaedah *qiyyas* dan *istihsan*.

Sebagai contohnya Ibn Hazm al-Zahiri berfatwa bahawa zakat hanya diwajibkan kepada lapan bentuk harta sahaja iaitu: unta, lembu, kambing, gandum, barli, tamar, emas dan perak.<sup>23</sup> Mengikut pandangan ini ternakan yang diwajibkan zakat hanya unta, lembu dan kambing, manakala hasil pertanian yang diwajibkan zakat ialah gandum, barli dan tamar, manakala galian pula hanya emas dan perak. Asas kepada pandangan ini ialah kewajipan zakat adalah satu bentuk ibadat yang tidak boleh ditambah atau dipinda melainkan dengan peruntukan yang jelas oleh Syariah.<sup>24</sup>

Manakala pandangan jumhur ulama pula tidaklah seketar pandangan ulama Zahiri

di mana samada *qiyyas* kepada nas-nas di atas dibenarkan atau penggunaan umum nas-nas tersebut untuk merangkumi lain-lain bentuk harta yang tidak disebut secara langsung.<sup>25</sup> Mazhab jumhur berpendapat walaupun zakat itu satu bentuk ibadat tetapi ia melibatkan kehartaan. Maka dengan demikian kaedah *qiyyas* dan *ijtihad* boleh digunakan untuk mewajibkan beberapa bentuk harta yang tidak disebutkan oleh nas secara langsung. Selalunya kriteria umum harta-harta tersebut akan digunakan untuk memasukkan lain-lain bentuk harta sebagai wajib zakat. Misalnya hasil pertanian yang diwajibkan mengikut pandangan mazhab Syafi'i ialah hasil pertanian yang menjadi makanan asasi sesuatu penduduk dan ditanam oleh manusia.<sup>26</sup> Mengikut kriteria ini hasil pertanian yang tidak disebut oleh nas tetapi menjadi makanan asasi dan ditanam oleh manusia seperti padi dan jagong termasuk juga di bawah kategori hasil pertanian yang diwajibkan zakat. Maka begitu jugalah kepada bentuk-bentuk lain harta seperti ternakan dan galian emas dan perak yang digunakan sebagai nilaiyan. Begitu juga terdapat sesetengah ulama yang cuba untuk menyimpulkan secara umum harta-harta yang dikenakan zakat. Sebagai contoh Jalaluddin al-Suyuti cuba untuk menyimpulkan harta-harta yang dikenakan zakat kepada dua iaitu kehartaan (*maliyyah*) dan zat atau *substance*. Kehartaan ini mengikut beliau ialah perniagaan manakala zat terbahagi kepada tiga iaitu haiwan, galian dan tumbuhan. Bagi haiwan harta yang dikenakan zakat hanyalah yang bersifat *na'am* yakni yang diternak di padang rumput. Galian yang dikenakan zakat apabila ianya digunakan sebagai nilaiyan atau *naqdayn* manakala tumbuhan atau *nabat* dikenakan zakat apabila ianya makanan yang mengenyangkan.<sup>27</sup>

Sungguhpun banyak bentuk-bentuk harta yang tidak disebut oleh nas secara langsung boleh dimasukkan tetapi kewajiban zakat harta-harta ini sebagaimana yang ditunjukkan di atas dilakukan secara *qiyyas* atau *tafsiran* kepada nas-nas. Prinsip-prinsip umum yang boleh digunakan untuk mewajibkan zakat ke atas harta atau pendapatan jarang dibincangkan oleh ahli-ahli fiqh mazhab.

Apa yang dilakukan oleh ahli-ahli fiqh mazhab ialah dengan membincangkan syarat-syarat wajib atau rukun zakat pada harta-harta yang ditunjukkan oleh nas satu persatu. Dengan kata lain setiap bentuk harta itu seperti hasil pertanian, ternakan, emas dan perak, perniagaan dan galian (termasuk *rikaz*) itu dibincangkan syarat-syarat wajibnya satu persatu tanpa cuba untuk melihatnya secara umum.

Sungguhpun demikian ahli-ahli fiqh ini sedar bahawa terdapatnya persamaan mengenai syarat-syarat wajib ini di antara harta-harta itu seperti syarat Islam dan nisab. Oleh itu terdapat ulama yang membahagikan syarat-syarat ini kepada dua: syarat-syarat umum yang terpakai kepada semua bentuk harta dan syarat-syarat khusus yang terpakai kepada harta-harta tertentu seperti syarat *al-sa'imah* pada ternakan.<sup>28</sup> Corak pembahasan syarat-syarat ini nampaknya sama sahaja seperti corak perbincangan syarat-syarat akad-akad penama di dalam bahagian muamalat Islam di mana tiada terdapat perbahasan mengenai syarat-syarat umum yang terpakai kepada semua bentuk akad. Kesemua syarat-syarat akad ini dibincangkan secara individu.<sup>29</sup>

## Pembinaan Teori Harta-harta Yang Dikenakan Zakat

Perkembangan moden dalam aspek ekonomi telah menyebabkan bentuk kekayaan telah berubah dari pegangan harta berbentuk fizikal atau korporal kepada pegangan harta berbentuk hak, bayaran upah dan pendapatan secara bergaji. Ulama fiqh berfatwa bahawa kewajiban membayar zakat kepada pemerintah terhad kepada harta-harta yang bersifat fizikal atau *zahiriyyah* seperti ternakan dan hasil pertanian kerana dua bentuk harta ini pada masa dahulu dianggap sebagai lambang kekayaan seseorang, manakala harta-harta yang dalam bentuk emas, perak dan perniagaan dianggap sebagai harta-harta batin dan terpulang kepada kesedaran seseorang Muslim menunaikan zakatnya.<sup>30</sup> Iktutan kepada pendekatan ini menyebabkan beberapa bentuk harta dalam bentuk yang baru seperti di atas tidak dapat dianggap sebagai harta yang wajib dikenakan zakat. Beberapa pemikir Islam telah cuba untuk membina satu teori umum bagaimana semua bentuk harta yang menunjukkan kepada kekayaan pada masa kini dapat dianggap sebagai satu bentuk harta yang dikenakan zakat. Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah membahaskan teori ini dan mengemukakan beberapa prinsip umum yang boleh dikenakan kepada semua bentuk harta.<sup>31</sup>

Al-Qaradhawi berpendapat terdapat enam syarat umum yang mesti dipatuhi oleh semua bentuk harta sebelum cukai zakat boleh dikenakan kepadanya. Syarat-syarat tersebut ialah: milik sempurna, subur, cukup nisab, melebihi keperluan asasi, bebas dari hutang dan cukup *hawl* (pusingan tahun).<sup>32</sup> Syarat-syarat ini bukanlah sesuatu yang baru dalam ertikata ianya tidak pernah dibincangkan oleh ulama fiqh mazhab. Bahkan kesemuanya dibincangkan oleh mereka, cuma al-Qaradhawi menyusun kembali syarat-syarat ini dan membincangnya secara bersepada.

Dari keenam-enam syarat ini terdapat beberapa pengulangan. Misalnya syarat-syarat keempat dan kelima iaitu melebihi keperluan asasi dan bebas dari hutang adalah pengulangan kepada syarat milik sempurna dan nisab. Pemilikan yang sempurna adalah antara syarat wajib zakat yang disepakati oleh semua ulama mazhab dan dari syarat ini timbul persoalan zakat harta yang berada di tangan orang lain dengan sebab hutang. Maka ke atas siapa siapadiwajibkan zakat. Perbincangan ini diulang oleh al-Qaradhawi di bawah syarat kelima walaupun perbincangan syarat ini banyak menumpukan kepada creditor pemilik wang tersebut. Begitu juga syarat melebihi keperluan asasi adalah lanjutan kepada syarat nisab. Ini diakui sendiri oleh al-Qaradhawi bahawa nisab itu hendaklah bebas dari hutang. Begitu juga beliau mengakui bahawa perbincangan melebihi daripada keperluan asasi juga dibincangkan oleh ulama dalam syarat nisab. Al-Qaradhawi memang mengetahui pengulangan ini, namun begitu beliau memisahkan perbincangan syarat-syarat tersebut untuk menunjukkan kepentingan dan kesan mereka kepada harta yang dikenakan zakat secara lebih khusus.

Namun begitu syarat kedua iaitu sesuatu harta itu mesti subur atau *al-nama'*, boleh dikatakan kunci kepada teori bersepada syarat-syarat zakat yang boleh dikenakan kepada semua bentuk harta kerana ia mempunyai kesan yang meluas. Ini adalah kerana

jika sesuatu harta itu dapat dibuktikan sebagai subur maka ia secara *prima facie* adalah harta yang diwajibkan zakat tertakluk kepada syarat-syarat lain yang rutin seperti sempurna pemilikan dan nisab (termasuk di bawah ini melebihi keperluan asasi dan bebas dari hutang). Al-Qaradhawi menyedari hakikat ini dan menegaskan bahawa setiap harta yang subur itu adalah dana (*wita'*) bagi zakat walaupun Nabi s.a.w. tidak menyebut kewajipan zakat harta tersebut secara langsung.<sup>33</sup>

Walaupun syarat ini penting dalam erti kata segala bentuk harta dapat dimasukkan di bawahnya sebagai harta yang dikenakan zakat tetapi al-Qaradhawi tidak menerangkan secara jelas apakah kriteria-kriteria atau syarat-syarat harta yang subur itu. Penerangan yang diberikan oleh beliau hanya dengan mengembangkan apa yang diperkatakan oleh ulama-ulama dahulu terhadap harta-harta yang dikenakan zakat melalui nas-nas. Sebagai contoh dalam pembahagian harta-harta yang subur al-Qaradhawi mengutip pandangan dari mazhab Hanafi seperti yang dinukilkkan oleh Ibn 'Abidin bahawa harta-harta subur itu terdapat dalam dua bahagian: *hakiki* dan *takdiri*. *Hakiki* bermaksud harta itu bertambah melalui pembiakan dan perniagaan manakala *takdiri* bermaksud harta itu mampu berkembang di tangan pemiliknya atau agennya.<sup>34</sup> Namun penerangan ini tidak memadai kerana ia tidak memberitahu apakah yang dapat dikatakan sebagai harta-harta yang subur. Nampaknya al-Qaradhawi meninggalkan perkara tersebut untuk didetilkan oleh mereka yang hendak membayar zakat.

Namun begitu beliau memberi beberapa penerangan yang boleh digunakan untuk merujuk sesuatu harta itu subur atau pun tidak. Memetik pandangan daripada beberapa ulama Hanafi seperti Ibn Humam dan Kasani<sup>35</sup> harta-harta yang subur itu boleh disimpulkan sebagai berikut:

- (i) Harta tersebut tidak akan susut melalui perjalanan masa. Kerana jika ia susut melalui perjalanan masa maka akhirnya akan membuat pembayar zakat itu sendiri menjadi fakir dan ini sudah tentu bertentangan dengan Syariat Islam. Contoh yang diberikan oleh al-Qaradhawi dalam masalah ini ialah hasil pertanian seperti biji-bijian tidak akan berkembang lagi selepas ianya dituai dan akan habis jika diberikan zakat selepas ia dituai.<sup>36</sup>
- (ii) Harta-harta itu mempunyai keupayaan untuk dikembangkan samada melalui perniagaan atau ternakan (*sa'imah*) kerana dengan sebab perniagaan dan ternakan ini harta-harta itu berkembang. Cara-cara pengembangan harta ini tidak terhad kepada cara di atas sahaja, tetapi boleh juga melibatkan pelbagai cara baru yang mendatangkan hasil seperti penyewaan, upah, perolehan baru (*mal mustafad*) dan lain-lain lagi. Al-Qaradhawi walaupun tidak menyatakan perkara secara khusus di bawah tajuk ini, namun aspek-aspek ini dibincangkan di tempat-tempat lain di dalam tesisnya terutama di bawah tajuk zakat *al-mustaghallat* dan zakat pengajian dan pendapatan bebas (profesional).
- (iii) Memetik dari pandangan Imam Nawawi,<sup>37</sup> al-Qaradhawi menegaskan bahawa harta-harta yang digunakan untuk tujuan-tujuan persendirian (*al-amwal al-muqtanat*) seperti kenderaan dan pelayan peribadi tidak dapat dikatakan sebagai subur. Syarat

ini bermaksud harta-harta yang tidak dapat dikembangkan melalui cara-cara pengembangan biasa oleh kerana terdapat sebab-sebab tertentu seperti digunakan bagi tujuan peribadi atau hilang (*mal dimar*), atau hutang (*dayn*) atau dirampas (*ghasb*) dan sebagainya; bukanlah harta yang subur walaupun secara biasanya ianya mempunyai keupayaan untuk dikembangkan.

Oleh kerana harta boleh mengambil pelbagai bentuk sebelum menerangkan syarat-syarat di atas, al-Qaradhwai membahaskan bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat.<sup>38</sup> Perbahasan di sini telah merujuk kepada *fiqh muamalah* dalam menentukan bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat. Ulama-ulama fiqh membahagikan harta kepada dua bentuk iaitu harta-harta '*ayn* atau koperal dan *manfa'ah* atau inkoperal. Bagi ulama mazhab jumhur selain Hanafi menganggap kedua-dua bentuk harta itu adalah harta manakala ulama mazhab Hanafi menganggap hanya harta berbentuk '*ayn sahaja* sebagai zakat.<sup>39</sup> Namun begitu bagi tujuan-tujuan zakat kebanyakan ulama telah bersepakat bahawa hanya harta dalam bentuk '*ayn sahaja* yang sah dijadikan bayaran zakat.<sup>40</sup> Oleh itu *tarjih* al-Qaradhwai kepada pendapat mazhab Hanafi tidak mempunyai apa-apa kesan kerana perkara ini memang sudah disepakati oleh para ulama mazhab. Perbezaan pendapat dalam bentuk harta seperti di atas hanya menyentuh dalam perkara muamalah bukan ibadat seperti zakat.

Sungguhpun penyusunan syarat-syarat ini berjaya memasukkan beberapa bentuk harta dalam senarai wajib zakat, terdapat beberapa masalah yang tidak diuraikan olehnya. Pertama, bagaimakah pengiraan nisab sesuatu harta yang baru itu harus dilakukan? Kedua, apakah kadar bayaran zakat harta-harta itu? al-Qaradhwai tidak menerangkan aspek-aspek ini semasa membahaskan syarat-syarat ini, tetapi menjawab kedua-duanya di bawah perbincangan harta-harta yang diwajibkan zakat mengikut fiqh mazhab. Nampaknya aspek-aspek nisab dan kadar zakat teori al-Qaradhwai masih mengikut kaedah *qiyas* mazhab fiqh. Aspek-aspek ini, oleh yang demikian masih terbuka kepada satu pembinaan teori secara bersepada.

Kesukaran dalam menentukan satu pandangan yang umum kepada aspek-aspek nisab dan kadar zakat berasaskan kepada persoalan apakah boleh kadar nisab dan kadar bayaran zakat itu diubah selain daripada apa yang telah ditetapkan oleh Syarak. Al-Qaradhwai sendiri, semasa membahaskan kadar zakat emas dan perak, dengan tegas menyatakan bahawa aspek-aspek ini tidak boleh diubah kerana ia telah ditetapkan oleh Syarak. Dari aspek ini sikap al-Qaradhwai agak berlainan dengan sikap beliau dalam mewajibkan bentuk-bentuk lain harta yang dikenakan zakat. Beliau berpandangan bahawa aspek-aspek ini tidak boleh berubah kerana tujuh sebab:<sup>41</sup>

- (i) Bercanggah dengan nas yang jelas yang sabit daripada Rasulullah s.a.w. dan amalan para sahabat.
- (ii) Ijma' keseluruhan umat Islam dan sejarah Islam telah menunjukkan tidak terdapat sebarang ulama yang berpendapat harus berlaku perubahan pada kadar zakat.
- (iii) Khilaf di kalangan ulama berlaku pada apakah terdapat apa-apa hak selain zakat.

- Khilaf ini menunjukkan bahawa kadar zakat itu tidak berubah kerana jika ia boleh diubah maka tidak ada makna pada khilaf ini.
- (iv) Ulama mazhab Hanafi yang banyak berpegang pada *qiyyas* berpandangan bahawa penetapan kadar zakat tidak boleh diqiyaskan. Kerana penetapan tersebut adalah hak Syarak.
  - (v) Zakat adalah kewajipan agama yang bersifat tetap, kekal dan persamaan, kerana ia merupakan salah satu rukun Islam. Perubahan kadar zakat mengikut perubahan zaman dan masyarakat akan menafikan sifat-sifat ini.
  - (vi) Setiap yang boleh ditambah boleh dikurangkan bahkan boleh juga dihapuskan sama sekali. Kemungkinan pada masa ekonomi mewah (*al-rakha'*) dan hasil pendapatan negara banyak, logik orang yang menyeru supaya ditambahkan kadar nisab ini akan menyeru pula ianya dikurangkan atau dihapuskan zakat sama sekali. Maka hilanglah makna ibadat zakat dan sebagai satu syiar agama Islam.
  - (vii) Membuka ruang kepada pendapat ini boleh mengakibatkan kepada hilangnya tanda-tanda Syariah dan berubahnya hukum-hukumnya yang asasi. Jika hendak menampung keperluan perbelanjaan negara yang masih boleh cukup dengan hasil zakat maka itu boleh dilakukan dengan cara lain seperti mengenakan bayaran atau cukai tambahan dengan kadar yang memenuhi keperluan sebagaimana yang dibenarkan oleh kebanyakan ulama.

Teori bersepada harta-harta zakat al-Qaradhawi dengan demikian hanya menyusun semula syarat-syarat wajib zakat yang boleh dikenakan ke atas semua bentuk harta. Adapun kadar nisab harta itu dan kadar bayarannya itu masih terikat dengan teori *qiyyas* harta-harta zakat yang disebut oleh nas-nas al-Quran dan al-Sunnah serta *ijma'*. Namun begitu dalam perbincangan harta-harta zakat secara detil al-Qaradhawi telah membahagikan harta-harta itu kepada sekurang-kurangnya dua bahagian:<sup>42</sup>

- (1) Zakat-zakat harta modal dan
- (2) Zakat harta penghasilan.

Bagi zakat harta modal, nisabnya berdasarkan kepada nilai umum zakat emas dan perak iaitu 200 dirham sebagaimana yang dikenakan kepada kesemua bentuk harta modal seperti perniagaan dan binatang ternakan. Perlu dijelaskan di sini bahawa al-Qaradhawi berpendapat bahawa nilai nisab binatang ternakan seperti lima ekor unta, tiga puluh ekor lembu dan empat puluh ekor kambing itu bersamaan dengan nilai 200 dirham.<sup>43</sup> Manakala zakat harta penghasilan (*mustaghatalat*) seperti pertanian maka nisabnya berdasarkan kepada peratusan yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu lima *awsuq* atau 653 kilogram. Oleh yang demikian harta-harta perolehan seperti pengajian dan pendapatan bebas nisabnya adalah berdasarkan kepada pertanian mengikut pandangan sesetengah ulama seperti Muhammad al-Ghazali.<sup>44</sup>

Manakala kadar bayaran zakat harta-harta tersebut amat mudah ditentukan melalui penentuan kadar nisab. Dengan kata lain jika nisabnya berasaskan kepada harta modal maka kadar bayaran zakatnya ialah 2.5 peratus dan jika berasaskan kepada harta

penghasilan maka kadarnya berdasarkan kepada peratusan yang telah ditetapkan oleh undang-undang syarak seperti sepuluh peratus, lima peratus dan tujuh perpuluhan lima peratus serta dua puluh peratus bagi zakat galian dan harta-harta yang dijumpai (*rikaz*). Berdasarkan kepada dua pembahagian harta modal dan penghasilan ini bila tempoh waktu zakat dibayar juga dapat ditentukan. Bagi harta modal syarat *hawl* dikenakan manakala bagi harta penghasilan tiada syarat *hawl* dikenakan. Zakat pada asasnya dikenakan serta merta apabila harta tersebut diperolehi. Namun apabila terdapat kesukaran untuk mencukupkan nisab wajibnya zakat kerana selalunya jumlah yang diperolehi pada sesuatu masa tidak mencukupi nisab. Kaedah harta-harta penghasilan yang terkumpul pada sesuatu tempoh waktu digunakan bagi mencukupkan nisab harta-harta tersebut. Al-Qaradhawi mencadangkan supaya tempoh waktun setahun digunakan.<sup>45</sup>

Sebagai ringkasan kepada penerangan di atas, di bawah ini jadual kepada teori harta-harta zakat yang saya cadangkan.

#### Harta-Harta Subur Sebagai Dana Zakat

| Bentuk Harta  | (1) Zakat Harta Modal | (2) Zakat Harta Penghasilan |
|---------------|-----------------------|-----------------------------|
| Nisab         | 200 Dirham            | Nilai 630 kilogram makanan  |
| Kadar Bayaran | 2.5%                  | 10%, 5%, 7.5%, 20%          |
| Syarat Hawl   | Ya                    | Tidak                       |

Yusuf al-Qaradhawi walaupun mempunyai teori yang hampir sama seperti rajah di atas terutama semasa beliau membahaskan zakat pengajian dan pendapatan bebas, namun tidak konsisten dalam penentuan kadar nisab. Seperti yang dinyatakan di atas bahawa nisab bagi pendapatan tersebut berasaskan kepada nilai makanan kerana dikiaskan kepada zakat pertanian, al-Qaradhawi menyatakan kadar ini agak kecil jika hendak dibandingkan dengan nilai 200 dirham. Oleh itu beliau mencadangkan agar kadar nisab zakat pengajian dan pendapatan bebas yang termasuk di bawah harta-harta penghasilan dan perolehan baru mengikut kadar yang ditetapkan di bawah zakat wang iaitu nilai 85 gram emas.<sup>46</sup>

#### Kesimpulan

Para sarjana undang-undang Islam masa kini mempunyai keyakinan bahawa kewajipan zakat tidak terhad kepada bentuk-bentuk harta yang dibincangkan oleh fiqh mazhab.

Alasan yang selalu diberikan oleh mereka boleh dibahagikan kepada dua iaitu dari aspek jurispruden dan kedua dari aspek sosial, ekonomi dan falsafah pensyariatan zakat itu sendiri. Pada aspek yang pertama mereka selalu berhujjah bahawa tiada terdapat nas Syarak menentukan secara pasti bahawa kewajipan zakat itu terhad kepada harta-harta yang tertentu sahaja. Bahkan nas-nas Syarak hanya menyebut secara umum sahaja bahawa harta-harta dikenakan zakat. Begitu juga mereka selalu berhujjah bahawa sungguhpun zakat merupakan satu bentuk ibadat ianya bukan sesuatu yang tidak boleh berlakunya ijтиhad. Kaedah *qiyyas* bagi mereka adalah sah dan boleh digunakan dalam persoalan hukum zakat. Dengan kata lain bentuk-bentuk harta yang wajib dibayar zakatnya boleh dikembangkan melalui kaedah *qiyyas* dan seterusnya ini boleh digunakan pada aspek-aspek penentuan nisab dan kadar pembayaran zakat sebagaimana yang dilakukan secara agresif oleh Yusuf al-Qaradhawi.

Dari aspek sosial mereka berhujjah bahawa jika zakat itu wajib dibayar oleh para petani dan penternak binatang yang umumnya pada masa sekarang terdiri dari kalangan miskin, apakah sesuatu yang wajar jika kita memaafkan golongan mempunyai pendapatan tetap melalui pengajian dan pendapatan upah profesional yang ternyata lebih banyak dari pendapatan golongan petani.<sup>47</sup> Keadaan sebegini sudah tentu tidak akan dibenarkan oleh undang-undang Syariah. Manakala dari aspek ekonomi pula pembahagian harta-harta kepada harta batin dan harta zahir bagi menunjukkan kekayaan seseorang itu tidak lagi relevan kerana bukti-bukti kekayaan seseorang pada masa sekarang bukan lagi terletak pada harta zahir tetapi lebih banyak kepada harta-harta batin. Oleh yang demikian perlunya terdapat satu anjakan paradigma dalam menilai apakah bukti-bukti kekayaan itu dalam fiqh Islam dari aspek kewajipan zakat. Akhirnya dari segi falsafah pensyariatan zakat sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, mereka berhujjah bahawa tujuan zakat ialah pembersihan jiwa dan harta dari kesalahan dan dosa semasa harta-harta itu dikumpulkan. Rasanya kesalahan semasa mengumpulkan harta-harta batin dalam bentuk baru lebih banyak jika hendak dibandingkan dengan harta-harta zahir. Oleh itu terlebih wajarlah harta-harta bentuk baru ini dibersihkan jika dilihat dari aspek ini.

Namun begitu memberi fatwa bahawa harta-harta bentuk baru ini diwajibkan membayar zakat tidaklah semudah bagaimana hendak menerangkan secara teknikal bagaimana ianya seharusnya dibayar. Oleh yang demikian terdapat khilaf yang besar di kalangan sarjana Islam masa kini mengenai persoalan detil dan teknikal kaedah pembayaran zakat harta-harta tersebut. Persoalan yang selalu diperselisihkan ialah mengenai pengiraan jumlah nisab, kadar wajib dibayar dan syarat *hawl*. Secara umumnya kaedah yang digunakan oleh mereka dalam menjawab persoalan ini ialah melalui kaedah *qiyyas* kepada harta-harta yang diwajibkan zakatnya melalui nas dan juga fatwa mazhab dengan melihat kepada sifat-sifat harta itu. Al-Qaradhawi misalnya membahagikan harta-harta itu kepada dua bentuk iaitu harta modal dan harta penghasilan atau perolehan baru. Beliau walaupun telah meletakkan asas bagaimana hendak melihat persoalan ini secara bersepada tetapi tidak menawarkan satu penyelesaian secara komprehensif dan sistematik. Teknik beliau masih sama dengan

teknik yang digunakan oleh ulama-ulama mazhab iaitu mengembangkannya mengikut kaedah *qiyas* secara *ad-hoc*. Oleh yang demikian asas-asas yang beliau letak itu tidak konsisten pada natijahnya kerana setiap bentuk harta itu dinilai secara individu. Saya telah cuba untuk menjadikannya lebih sistematik, bersepadan dan konsisten melalui asas-asas yang beliau telah letakkan dengan membahagikan harta-harta subur itu kepada dua iaitu harta modal dan penghasilan dan kemudiannya menetapkan aspek-aspek pengiraan nisab dan kadar bayaran serta syarat *hawl* mengikut pembahagian di atas.

### Nota Hujung

1. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, h.II: 359.
2. Imam Haskafi, *al-Durr al-Mukhtar: Sharh Tanwir al-Absar*, (dipetik dari Ibn Abidin, *Hasyiah Radd al-Muhttar*, Mesir, hh. II: 256-7).
3. Imam Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h.V: 295.
4. Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh al-Zakah*, Beirut, 1981, h. I: 37.
5. Hadith dipetik dari Shaykh Waliyullah al-Dahlawi, *HujjatuLlah al-Balighah*, diedit oleh Sayyid al-Sabiq, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t., h. II: 512.
6. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, h. I: 147.
7. Imam Shirazi, *al-Muhadhdhab*, (dipetik dari Imam al-Nawawi, *al-Majmu'*, h.V: 487).
8. Ibn Rusyd, *Bidayat al-Mujtahid*, Beirut: Darul al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988, h.I: 253.
9. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, h.V: 233-40 (dipetik dari al-Qaradhawi, *op.cit.*, h. 323).
10. 'Abd al-Rahman al-Jaziri, *al-Fiqh 'ala al-Madhabib al-Arba'ah*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990, hh. I: 555-8.
11. Lihat Abu 'Ubayd, al-Qasim ibn Salam, Kitab *al-Amwal*, Beirut dan Kaherah: Dar al-Syuruq, 1979, h. 433.
12. Al-Tibrizi, *Mishkat al-Masabih*, Beirut, 1985, h. I: 555.
13. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, h. I: 147.
14. Al-Tibrizi, *op.cit.*, h. I: 557.
15. *Ibid.*, hh. 555-7.
16. Lihat *Ibid*, hh. 563-5 dan Muhammad Yasin Mazhar, *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah* (terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hh. 308.
17. *Sahih al-Bukhari*, (terj. Versi Inggeris oleh M.M. Khan), Dar al-Fikr, t.t., h. II: 302.
18. Tibriz, *op.cit.*, h. I: 565.
19. Dipetik dari al-Qaradhawi, *op.cit.*, h. I:317.
20. Ibn 'Abidin, *Hasyiah Radd al-Muhttar*, Mesir, 1966, h.II: 318.
21. Lihat *Sahih al-Bukhari*, h. II: 336.
22. Lihat al-Shawkani, *Nayl al-Awtar*, Kaherah: Dar al-Hadith, 1297H., h.IV:145.

23. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, juz. 5, h. 209 (dipetik dari al-Qaradhawi, *op.cit.*, hh.I:145-6).
24. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, h. I:146.
25. Imam Abu Hanifah sebagai contoh menafsirkan Hadith yang menyentuh masalah hasil pertanian sebagai merangkumi segala bentuk tumbuhan baik sama untuk makanan asasi ataupun sebaliknya. Lihat Ibn Qudamah, *op.cit.*, h.II:434.
26. Al-Nawawi, *op.cit.*, h.V: 469.
27. Jalaluddin al-Sayuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir*, dedit oleh Taha Abd al-Rauf Sa'd, Kaherah: Dar al-Bayan al-'Arabi, t.t., hh. 689-90.
28. Lihat Muhammad al-Syirbini al-Khatib, *al-Iqna'*, Thailand: Maktabah al-Nahdi, t.t., h.I:184.
29. Lihat artikel saya, "Unsur-unsur Utama Pembentukan Kontrak ('Aqd) di dalam Undang-undang Islam", *Jurnal Syariah*, Jld. 2, Bil. 1, Januari 1994, hh. 89ff.
30. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, hh. II:758ff.
31. *Ibid.*, hh.I:126hh.
32. Untuk melihat perbincangan syarat-syarat ini secara lebih detil lihat Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, "Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jld. 3, Bil. 1, Januari 1995, hh. 56-63.
33. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, h.I:145.
34. *Ibid.*, hh. 139-40.
35. *Ibid.*, h. 140. Lihat juga Muhammad ibn 'Abd al-Hamid al-Asmandi, *Tariqah al-Khilaf fi al-Fiqh Bayna al-A'imma al-Aslaf*, dedit oleh Muhammad Zaki 'Abd al-Barr, Kaherah, t.t., hh. 15ff.
36. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, h.I: 143.
37. *Ibid.*, h. 141.
38. *Ibid.*, hh. 124ff.
39. Lihat 'Ali Khafif, *Ahkam al-Muamalat al-Syar'iyyah*, Dar al-Fikr al-'Arabi, t.t., hh. 26-7.
40. Lihat al-Asmandi, *op.cit.*, hh. 26-7.
41. Al-Qaradhawi, *op.cit.*, hh. I:244-5.
42. *Ibid.*, h. 466.
43. *Ibid.*, h. 267.
44. *Ibid.*, h. 513.
45. *Ibid.*, hh. 514-5.
46. *Ibid.*, h. 513.
47. Lihat sebagai contoh Abdul Aziz Muhammad, *Zakat and Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1993, h. 186.